

08 AUG 2000

Najib-Wawasan

JANGAN POLITIKKAN ISU SEKOLAH WAWASAN, KATA NAJIB

KUALA LUMPUR, 8 Ogos (Bernama) -- Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini meminta pihak-pihak yang keberatan dengan pelaksanaan sekolah wawasan agar tidak mempolitikkan isu tersebut, sebaliknya mencari penyelesaian melalui rundingan.

Katanya, beliau yakin isu berkenaan boleh diselesaikan jikalau pihak-pihak tertentu seperti MCA berunding dengan Kementerian Pendidikan terutama mengenai konsep dan cara pelaksanaannya.

"Apa yang penting sekarang adalah kita mencari jalan supaya konsep sekolah wawasan itu dikembangkan. Saya fikir kita jangan politikkan isu mengenainya," kata Najib kepada pemberita selepas merasmikan program persijilan syariah di sini, hari ini. Program itu anjuran bersama Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya (UM), Akademi Islam UM dan Masjid Khalid Al-Walid.

"Konsep sekolah wawasan boleh dilaksanakan jika semua pihak tahu ia adalah untuk perpaduan negara tetapi akan gagal jika pihak terbabit memperjuangkannya secara beremosi dan ia dipolitikkan," katanya.

Konsep Sekolah Wawasan menggabungkan pelbagai kemudahan seperti kantin dan padang permainan bagi dikongsi bersama oleh murid-murid Sekolah Kebangsaan, sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil.

Isu mengenai sekolah wawasan timbul apabila sesetengah kalangan daripada masyarakat Cina menyuarakan kebimbangan bahawa pengenalan sekolah seumpama itu akan menyebabkan sekolah jenis kebangsaan Cina kehilangan identiti.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) bulan lepas berkata, pemimpin BN telah bersetuju untuk mewujudkan lebih banyak sekolah wawasan bagi memupuk semangat muhibah di kalangan pelbagai kaum sejak mereka di bangku sekolah.

Najib, yang merupakan Menteri Pendidikan dari 1995 hingga 1999, berkata MCA bersetuju dengan konsep tersebut tetapi telah menerima tekanan daripada kumpulan pendidik Cina berhubung pelaksanaan konsep itu.

"Saya yakin bukan sangat MCA (yang timbulkan isu mengenai sekolah wawasan itu kini) tetapi ia adalah tekanan daripada kumpulan pendidikan Cina," katanya.

Beliau berkata Kabinet telah bersetuju untuk melaksanakan konsep sekolah wawasan itu ketika kertas cadangan mengenainya mula dibentangkan.

Sementara itu Najib berkata, anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) perlu sentiasa meningkatkan budaya keselamatan yang dipraktikkan bagi memastikan kejadian seperti kecurian senjata di Kem Gerik tidak akan berlaku lagi.

"Tahap keselamatan mesti berada pada tahap tinggi seperti menjaga senjata sama seperti menjaga nyawa mereka, bertanggungjawab, memeriksa setiap senjata yang keluar dan masuk, dan identiti mereka," katanya.

Budaya keselamatan di kalangan anggota ATM perlu sentiasa tinggi memandangkan negara tidak pernah mengalami sebarang ancaman dan anggota tidak boleh beranggapan bahawa keadaan aman itu akan sentiasa berkekalan, kata beliau.

Kejadian di Gerik membuktikan terdapat golongan tertentu di dalam organisasinya yang dipanggil "musuh dalam selimut" yang telah mengancam keselamatan negara memaksa ATM mengamalkan tahap budaya keselamatan pada tahap tertinggi, katanya.

Najib berkata, orang awam juga harus bersedia untuk menghadapi pelbagai kesulitan ketika memasuki kem-kem tentera atau tempat terkawal akibat pengamalan budaya keselamatan itu.

-- BERNAMA

MHI AHH NMO